



## SIARAN AKHBAR

---

### **MAJLIS PENUTUP DIKIR SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU' ALAIHI WASSALAM BAGI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 1446H/2024M**

#### **Bandar Seri Begawan**

***Hari Ahad, 11 Rabiulawal 1446H bersamaan 15 September 2024M***

Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu' Alaihi Wasallam bagi Rombongan Dikir Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya, diadakan hari ini di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampong Tamoi.

Majlis dikir tersebut diadakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu' Alaihi Wassalam bagi Tahun 1446H / 2024M.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Faizal bin Janif dan seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat.

Acara kemudian diikuti dengan Dikir Syarafil Anam, yang dibawakan oleh Kumpulan Dikir Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum meneruskan acara, Sembahyang Fardu Isyak berjemaah diimamkan oleh imam masjid.

Majlis disudahi dengan Dikir Marhaban beramai-ramai, seterusnya bacaan Doa Dikir dan juga Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Majlis dikir tersebut diadakan dengan usaha sama KSSUP dan ahli Takmir Masjid bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan Ahli Takmir Masjid dan Jemaah serta penduduk sekitar bersama Pegawai dan Kakitangan KSSUP.

Turut hadir di majlis ini, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian di bawah Kementerian, pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah KSSUP, Ahli-ahli Takmir Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampong Tamoi dan juga penduduk sekitarnya.

-TAMAT-

**Disediakan oleh:  
Jabatan Perhutanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 7 Rabiulawal 1446H / 11 September 2024M